

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**RUJUKAN : 9095**

**SOALAN:**

Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk menangani sindiket perjudian dan lambakan pusat-pusat judi yang semakin agresif sekarang ini

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa memberi perhatian yang khusus berkaitan aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara. Walaupun operasi membanteras aktiviti perjudian haram ini dijalankan secara besar-besaran dan berterusan namun aktiviti perjudian ini masih aktif kerana pengusaha pusat perjudian haram telah menukar *modus operandi* mereka dengan beroperasi di sebalik perniagaan yang sah atas nama pusat hiburan

keluarga (PHK) atau telah mengubah lokasi daripada premis perniagaan ke kondominium atau membuka pusat perjudian di pinggir bandar atau di kawasan pendalaman. Selain itu, kaedah baharu yang digunakan oleh sindiket adalah secara penyebaran melalui *short message service* (SMS) atau melalui laman-laman website bagi mencari pelanggan-pelanggan baharu.

Statistik berkaitan kes perjudian bagi tahun 2014 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

KATEGORI PERJUDIAN	2014			2015		2016 (sehingga April)			
	Jumlah Kes	Keputusan	Keputusan	Jumlah Kes	Keputusan	Jumlah Kes	Keputusan	Keputusan	Keputusan
MESIN	169	667	2528	63180	169	119	10	42	
LOTERI HARAM	513	505	0	35143	513	484	0	19	
CATIT TARUH	4	9			4	2	2	0	
D.BANGUNAN	6	43			6	1	5	0	
T.BEBAS	7	30			7	2	5	0	
Jumlah Kes									

Sebagai langkah tambahan selain daripada operasi yang dijalankan secara berterusan bagi mengekang kegiatan perjudian ini sehingga ke akar umbi, Kementerian melalui PDRM juga telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- i) Kementerian Dalam Negeri telah membentangkan Nota Makluman berhubung isu aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan pada March 2015 dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan

**Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang lain;**

- ii) Melatih lebih ramai pakar-pakar mengenai judi untuk memudahkan mereka mengenalpasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, ianya akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**
- iii) Meneruskan dan memperhebatkan lagi kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian yang diadakan sebelum ini dengan mensasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini turut melibatkan pihak PBT, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, NGOs dan syarikat swasta;**
- iv) Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram;**
- v) Pihak PDRM telah mengambil langkah tindakan alternatif di bawah undang-undang Pencegahan Jenayah (POCA) 2013 dan di bawah Akta Penggubahan Wang Haram (AMLA) 2003 jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian berkenaan. Bagi tempoh Januari-Disember 2015, seramai 26 individu yang terlibat dalam mengendali judi *online* telah disiasat untuk tindakan di bawah akta berkenaan;**

- vi) **PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Pada Julai 2015, atas inisiatif pihak Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh negara, Bank Negara Malaysia, PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan. Pihak PDRM telah mengenalpasti provisi-provisi yang perlu dipinda dalam menangani gejala perjudian secara dalam talian dengan lebih berkesan; dan**
  
- vii) **Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju atas cadangan mewujudkan Kokus di peringkat Parlimen yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi membincangkan permasalahan perjudian ini untuk melihat akta atau undang-undang dan beberapa prosedur yang sedia ada untuk diperkemaskan lagi dalam tempoh yang terdekat ini.**

**Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini kerana aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.**